

05 NOV 2001

Mahathir-Asean (Keganasan)

MALAYSIA CADANG SEMINAR ASEAN MENGENAI KEGANASAN

Oleh: David Chelliah

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendirian Malaysia terhadap keganasan dan tindakan Amerika Syarikat mengebom Afghanistan di Sidang Kemuncak Asean di sini serta mencadangkan satu seminar peringkat Asean mengenai keganasan.

Perdana Menteri berkata Malaysia berharap seminar itu, yang dapat menghuraikan takrif keganasan dan siapa sebenarnya pengganas, akan merintis jalan kepada satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan.

Ketika bercakap kepada pemberita di akhir hari pertama sidang kemuncak ketujuh itu, Dr Mahathir berkata beliau juga telah memberitahu para pemimpin Asean yang lain bahawa serangan udara terhadap Afghanistan itu telah menyebabkan banyak orang awam terkorban atau cedera, dan ini menimbulkan kemarahan di kalangan umat Islam.

Malaysia berpendapat bahawa tindakan Amerika terhadap Afghanistan tidak akan dapat membanteras keganasan kerana bukan semua pengganas berada di Afghanistan.

Ketika ditanya kenapa Deklarasi Asean mengenai keganasan tidak memasukkan saranan Malaysia dan Indonesia supaya Amerika menghentikan serangan bom terhadap Afghanistan, Dr Mahathir berkata pemimpin-pemimpin Asean yang lain tidak melahirkan pendapat yang tegas mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, cadangan Malaysia mengenai seminar Asean berhubung keganasan akan dimasukkan dalam kenyataan pengerusi persidangan.

Dr Mahathir berkata Malaysia turut mencadangkan pada sidang kemuncak itu bahawa cara berkesan menangani keganasan ialah mengenal pasti puncanya dan mengatasinya supaya orang ramai tidak akan tertarik kepada keganasan.

"Memang sukar untuk mencari dan membunuh mereka (pengganas) dengan menembak roket dari jauh atau mengebom," katanya.

Dr Mahathir berkata dunia tidak senang dengan angka kematian di kalangan orang awam khususnya kanak-kanak sedangkan tidak ada bukti menunjukkan tentera Taliban atau anggota rangkaian al-Qaeda dibunuh atau ditangkap.

"Peperangan terhadap Afghanistan tidak akan berkesan kerana yang mati adalah orang awam," katanya.

-- BERNAMA

DC MAI